

Ringgit susut kerana dasar AS - PM

PUTRAJAYA - Situasi kejatuhan nilai ringgit disebabkan dasar Amerika Syarikat (AS), bukan kerana Malaysia tidak mempunyai menteri kewangan sepenuh masa.

Jelas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kekhangan antarabangsa turut mempengaruhi kedudukan nilai ringgit.

"Suruh orang yang cadang itu baca laporan ekonomi dan kewangan bukannya laporan Pas," katanya selepas majlis penyerahan kunci Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Madani Dalur Presint 18 dekat sini, pada Khamis.

Anwar yang juga Menteri Kewangan mengulas kenyataan Penolong

Setiausaha Agung Pas Pusat, Mohd Syahir Che Sulaiman bahawa Malaysia memerlukan seorang menteri kewangan yang kompeten dan bertugas sepenuh masa serta boleh memberi tumpuan terhadap negara.

Ahli Parlimen Bachok itu mendakwa, dalam tempoh enam bulan ini, ringgit menyusut berbanding dolar AS sehingga mencecah paras RM4.60/AS\$1 dan dijangka mencecah paras RM5/AS\$1 jika tidak dikawal.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, kerajaan berharap tekanan terhadap ringgit berkurangan sebaik sahaja isu siling hutang AS diselesaikan segera.